



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	:	MUKA SURAT	:	13
TARIKH	:	23/9/2018				
JABATAN	:	IWK				
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN				

Ambil tahu perananan IWK

Merawat air sumber kumbahan loji untuk dilepaskan ke sungai

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KLANG

Masyarakat disaran mengambil tahu peranan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dalam merawat air sumber kumbahan di loji-loji.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Faizal Othman berkata, mereka perlu memahami bagaimana ia menjadi air bersih dan dilepaskan kembali ke perairan serta sungai berhampiran.

Atas kesedaran itu kata-

nya, IWK mengambil inisiatif melancarkan Program Rakan Sungai (Friends of River) di Sungai Air Hitam, di sini, semalam sebagai usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga kebersihan sungai.

"Program ini telah bermula sejak awal tahun, dan kita kenal pasti 21 sungai dan komuniti setempat bagi mengadakan program seperti gotong-royong bersih sungai, mewujudkan kemudahan rekreasi serta informasi bagi menggalakkan orang ramai memahami tanggungjawab memelihara sungai.

"IWK adalah penyedia perkhidmatan pemetangan utama yang menjalankan operasi ke atas 6,700 loji rawatan kumbahan awam dan 19,320 kilometer panjang paip pemetangan bagi 25 juta rakyat Malaysia," katanya pada majlis pelancaran pro-



Peserta IWK Rakan Sungai yang terlibat pada pelancaran Program Rakan Sungai (Friends of River) di Sungai Air Hitam, semalam.

gram berkenaan, semalam. Hadir sama, wakil Adun Pelabuhan Klang, Shahrul Adnan.

Dalam perkembangan lain, Faizal berkata, IWK menyifatkan kadar kenaikan atau penurunan caj pemet-

betangan bergantung kepada keputusan kementerian.

Menurutnya, beliau menyokong usaha kerajaan mengkaji pelaksanaan sistem bil bersepadu bersama bil bekalan air untuk di-

aksanakan selewat-lewatnya tahun ini.

Katanya, perkhidmatan itu telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan menggabungkan dua perkhidmatan utiliti itu di da-

lam satu bil.

"Sekiranya dilaksanakan, ia beri kemudahan kepada pelanggan, selain membantu jimatkan masa.

"Di Malaysia, satu rumah sekurang-kurangnya akan memperoleh lima hingga enam bil termasuk bil Astro dan elektrik. Jadi, jika ia dilaksanakan, dapat membantu menyelesaikan pembayaran dengan segera," katanya.

Sementara itu katanya, tidak dinafikan IWK berhadapan pelbagai kos operasi meningkat, ekoran pelbagai faktor, khususnya peningkatan kos elektrik dan pengambilalihan loji baharu yang dibina untuk menampung pertumbuhan penduduk.

"Saya harap rakyat faham kepentingan IWK dalam meningkatkan taraf sistem pemetangan ke arah perkhidmatan cekap dan lebih efisien," katanya.